

'Sambutan Tahun Baharu Cina paling sedih'

Kuala Lumpur: "Saya sedih kerana dapat sambut Tahun Baharu Cina hanya dua hari kali ini kerana rumah musnah dalam kebakaran," kata Loo Mun Soon, 64.

Mun Soon adalah antara 16 mangsa kejadian kebakaran yang membabitkan enam unit kediaman di tingkat 17 Blok 70 Flat Sri Sabah di Cheras, di sini,

Ahad lalu.

Katanya, sehingga kini dia masih sedih mengenangkan kejadian kebakaran yang memusnahkan rumahnya itu.

"Persiapan perayaan memang banyak, tapi semuanya musnah dalam kebakaran dan banyak juga kerugian.

"Saya memang sedih sebab semuanya sudah terbakar dan hati

pun tidak lagi senang kerana kejadian berlaku pada perayaan Tahun Baharu Cina," katanya ketika ditemui di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Cheras, semalam.

Beliau berkata, selepas ini dia akan tinggal di rumah sementara yang disediakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Sementara itu, seorang lagi mangsa, J Joe Boy, 60, berkata

ketika kejadian dia dan keluarga tiada di rumah kerana baru pulang bercuti di Melaka.

"Ketika tiba di kawasan rumah kira-kira jam 8 malam, seorang daripada anak mengajak makan kerana lapar dan kami sekeluarga keluar semula.

"Kira-kira jam 9.20 malam, rakan menelefon memaklumkan rumah saya terbakar dan kami

segera pulang, bagaimanapun pihak bomba tidak membenarkan kami naik dan hanya mampu melihat rumah dijilat api dari bawah," katanya.

Bapa kepada empat anak itu berkata, rumah yang disewa sejak 38 tahun lalu itu terbakar kira-kira 97 peratus, manakala semua barangan dalam rumah musnah.